

# SEMUA AHLI EXCO MUKA BARU

**SHAH ALAM, Isnin** — Kesemua lapan Exco Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik hari ini, terdiri muka-muka baru.

Datuk Haji Ahmad Razali Haji Ali dalam sidang akhbar pertamanya hari ini mengumumkan senarai Exco itu.

Mereka yang dilantik ialah Encik Fahmi Ibrahim (Dusun Tua), Encik Zainal Dahlan (Sungai Air Tawar), Encik Abu Bakar Hamid (Morib), Encik Marwillis Haji Yusoff (Semenyih), Encik Ramli Abdul Rahman (Kelumpang), Encik Yap Pian Hon (Serdang), Encik Ng Thian Hock (Selat Kelang) dan Encik M. Mahalingam (Assam Jawa).

Beliau berkata, Sultan Selangor berkenan jawatan Timbalan kepada

Menteri Besar Selangor tidak diwujudkan pada kali ini.

Kesemua ahli Exco itu, katanya, akan mengangkat sumpah esok di Balai Rongseri, Istana Alam Shah Kelang pada jam 10 pagi.

Beliau menjunjung setinggi kasih kepada Sultan Selangor yang telah berkenan menerima ahli-ahli Exco baru itu.

## Memilih

Mengenai Speaker Dewan Undangan Negeri, beliau berkata, kedudukan Speaker bergantung kepada Ahli-ahli Dewan.

Oleh itu, katanya, satu sidang antara Ahli-ahli Dewan akan diadakan kira-kira sebulan lagi bagi memilih Speaker yang baru.

Mengenai berbagai ja-

watan dalam agensi-agensi Kerajaan Negeri, yang dipegang oleh bekas Exco, beliau berkata kedudukan mereka akan dikekalkan buat sementara, bagaimanapun mungkin akan berlaku pindaan.

Terdahulu dari itu, tepat pada jam 4 petang, Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Hormat Rafei mengunjungi pejabatnya bagi menghadiri satu majlis perpisahan dengan Ketua-ketua Jabatan dan para pegawai Kerajaan.

Di antara Ketua-ketua Jabatan yang hadir termasuklah, Ketua Polis Selangor, Datuk P. Alagendra.

Beliau dengan dilirngi oleh Datuk Haji Ahmad Razali, Setiausaha Kerajaan, Datuk Sulaiman Amin, Penasihat Undang-undang Negeri, Datuk Abdul Malek Haji Mohd. Salleh, Pegawai Kewangan Negeri, Haji Wan Putih Haji Wan Mohd. Saman dan laluan Ketua Jabatan bersalaman dengan kakitangan Pejabat Menteri Besar dan kakitangan jabatan-jabatan lain untuk mengucapkan 'Selamat Tinggal' sementara mereka mengucapkan kepadanya 'Selamat Jalan'.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia